

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Koperasi UUM Bhd
Sent: 16 Jun 2016 21:32
To: UUM - All Staff
Subject: NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-27 KOPERASI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA BERHAD

(003) Dlm. Setiausaha/KOOPUUM/06.2016 (2)

15 Jun 2016
11 Ramadan 1437H

Anggota Koperasi UUM Berhad
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah

Y.Bhg Dato'/Prof./Dr/Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-27 KOPERASI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA BERHAD

Dengan segala hormatnya tuan/puan adalah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27 Koperasi Universiti Utara Malaysia Berhad yang akan diadakan seperti butiran berikut :

Tarikh : 30 Jun 2016 (Khamis)
Masa : 8.30 Pagi
Tempat : DKG 2/2
Universiti Utara Malaysia

AGENDA MESYUARAT

1. Melantik Pengerusi Mesyuarat;
2. Melantik satu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota Koperasi dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27;
3. Membentang dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kali Ke-26 bertarikh 09 Julai 2015;
4. Membentang dan menerima Laporan Anggota Lembaga dan Juruaudit Dalam bagi sesi 2015/2016;
5. Membentang dan meluluskan Penyata Kewangan Beraudit dan Akaun Pembahagian Keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015;
6. Menimbang dan meluluskan Anggaran Belanjawan 2017;
7. Memilih TIGA orang Anggota Lembaga baru bagi menggantikan Anggota Lembaga yang gugur mengikut giliran;
8. Meluluskan elaun-elaun kepada Anggota Lembaga;
9. Melantik tidak kurang daripada dua panel firma Juruaudit Luar;

10. Menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi sebanyak RM30 juta;
11. Menetapkan had maksimum dan skop pelaburan Koperasi yang dibiayai oleh wang lebihan sebanyak RM2 juta;
12. Menimbang dan meluluskan apa-apa draf dan usul (notis tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung hendaklah diberikan kepada Setiausaha di Pejabat Koperasi UUM Berhad).

Sekian, terima kasih dan harap maklum.

Yang menjalankan tugas

MOHD. ASHARI YAAKUB
Setiausaha Kehormat

s.k : - Pengarah SKM Negeri Kedah
- Penolong Pengarah, SKM Wilayah Kubang Pasu
- Fail